

## Seruan Kebangkitan Islam dalam Majalah *Pengasuh* oleh Tok Kenali dan Za'ba

Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid<sup>1</sup>

### Abstrak

Sejak awal abad ke 20, majalah-majalah keagamaan mula diterbitkan bertanggungjawab terhadap pelbagai isu, ini membolehkan majalah ini berperanan sebagai dua dalam satu; pertama ia membangkitkan semangat perjuangan di kalangan bangsa Melayu dan memupuk nilai-nilai mulia seperti yang dianjurkan oleh Islam. Antara majalah tertua dan banyak memberikan kesan pada abad ini ialah majalah *Pengasuh*. Semenjak kemunculannya yang lama iaitu kira-kira hampir 92 tahun, banyak karya-karya yang dihasilkan telah mempengaruhi jiwa bangsa Melayu. Artikel ini cuba mengetengahkan idea dan pandangan Tok Kenali dan Za'ba berkaitan dengan bangsa Melayu dalam artikel mereka yang diterbitkan oleh *Pengasuh*. Pandangan intelektual yang terkandung di dalam majalah ini dapat dikongsikan untuk kebaikan generasi masa kini. Antara isu-isu itu juga masih diperbahaskan dan diperdebatkan, sebagai contoh isu yang berhubung kebangsaan dan nilai-nilai bangsa Melayu. Artikel ini akan menunjukkan bagaimana isu-isu yang dibangkitkan oleh penulis-penulis awal ini dapat membina kemuliaan dan kemegahan sesebuah bangsa.

**Kata kunci:** majalah Melayu, Tok Kenali, Za'ba, kesedaran kaum Melayu, bahasa Melayu

### *Call for the Islamic Awakening in Pengasuh Magazine by Tok Kenali and Za'ba*

### Abstract

*During the early part of the 20<sup>th</sup> century, the religious magazines were published incurred variety of issues, enabled them to act as a double edged sword; in that they both helped to raise the fighting spirits of the Malays and also foster good values based on Islam. One of the oldest and most influential magazines during these times was the Pengasuh magazine. During its long existence, which is nearing 92 years, many written works which have influenced the spirits of the Malay In this research paper, This article attempts to highlight various ideas of Tok*

---

<sup>1</sup> Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid, PhD, adalah Pensyarah Kanan dan Ketua Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. E-mel: faisal@um.edu.my.

*Kenali and Za'ba related to the Malays in their article which were published in the Pengasuh, The intellectual views contained in them may be shared for the good of the present generation. Some of these issues are currently being discussed and debated, for example the issues related to the racial awareness and values of the Malays. This article will show the how these issues raised by the earlier writer has develop the honour and distinction of a nation.*

**Keywords:** Malay magazines, racial awareness of the Malays, Malay language

## Pendahuluan

Kedatangan Islam ke Alam Melayu telah membawa sinar baru dalam kehidupan masyarakat yang merangkumi pelbagai aspek, termasuk akidah, sosial, politik, ekonomi dan yang paling ketara ialah perkembangan ilmu dan intelektual Melayu. Syed Muhammad Naquib al-Attas menjelaskan bahawa “Islam membawa semangat rasionalisme dan intelektualisme bukan sahaja di kalangan istana dan kraton, malah sampai juga dengan lebih merebak di kalangan rakyat jelata.”<sup>2</sup> Pandangan ini menggambarkan perubahan besar yang mendasar dan menyeluruh dicetuskan oleh Islam meliputi pelbagai bidang ilmu. Di samping itu, ia menggambarkan pola perubahan dalam hal-hal yang bersifat keilmuan melibatkan golongan istana serta rakyat jelata.

Dengan itu, masyarakat Melayu berubah dari suatu sistem kepercayaan yang bersifat tahayul dan khayalan kepada yang bersifat ilmiah dan saintifik. Kedatangan Islam juga sekaligus menjulang tinggi martabat bahasa Melayu dengan cara membentuk penggunaannya dalam perkara yang bersifat ilmiah. Usaha memartabatkan bahasa Melayu dimulai dengan penyusunan sistem tulisan yang merupakan tunjang ilmu pengetahuan. Sistem tulisan yang diperkenalkan ialah tulisan Jawi dengan panduan dan pinjaman aksara Arab yang telah mengalami beberapa perubahan dan penambahan mengikut kesesuaian masyarakat Melayu. Menurut Hashim Musa, tulisan atau skrip Jawi berasal daripada skrip Arab yang sampai ke Kepulauan Melayu bersama-sama

---

<sup>2</sup> Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1972), 20.

dengan kedatangan agama Islam.<sup>3</sup> Hal ini dikukuhkan lagi dengan penemuan artifak seperti Batu Bersurat Terengganu (1303) yang ditulis dalam Bahasa Melayu dengan tulisan Jawi.

Tradisi persuratan ini berterusan walaupun Tanah Melayu dan hampir keseluruhan Alam Melayu Nusantara dijajah oleh penjajah Barat. Malah, tradisi persuratan ini, yang kemudian mengambil bentuk penerbitan majalah sebagai salah satu bentuk manifestasinya, telah menjadi platform bagi suara seruan kebangkitan Islam dan Melayu, khususnya demi pembaikan dan kemajuan agama dan bangsa. Beberapa ulama sepanjang zaman telah menyumbang kepada tradisi ini dan ia berterusan hingga kini. Dalam konteks makalah ini, sumbangan Muhammad Yusuf bin Ahmad Kenali atau Tok Kenali (1868-1933) dan Zainal Abidin bin Ahmad atau Za'ba (1895-1973) ditonjolkan untuk pengajaran.

### Tradisi Persuratan Islam di Kalangan Ulama Melayu

Perkembangan tradisi persuratan Melayu-Islam mempunyai jalinan yang amat rapat dengan perkembangan institusi pengajian pondok atau pesantren di Alam Melayu. Menurut Zamakhsyari Dhofier, institusi pengajian pondok sudah mula berkembang mulai abad ke-14 lagi.<sup>4</sup> Pengajian halakah di Masjid al-Haram, Mekah merupakan institusi ulung yang menjadi menara gading bagi sistem pendidikan pondok di Alam Melayu suatu ketika dahulu. Menurut Snouck Hurgronje, semasa beliau berada di Mekah pada pertengahan abad ke-19, beliau mendapati ramai anak Melayu melanjutkan pelajaran di sana.<sup>5</sup> Bolehlah dikatakan bahawa hampir kesemua pengarang kitab agama di Alam Melayu pernah mendapat pendidikan di sana, sama ada secara formal atau melalui ziarah ilmiah. Tokoh utama adalah seperti Nuruddin al-Raniri, Hamzah Fansuri, Syamsuddin al-Sumaterani, Abdul Samad al-

---

<sup>3</sup> Hashim Musa, *Sejarah Perkembangan Tulisan Jawi* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2006), 1.

<sup>4</sup> Zamakhsyari Dhofier, *Traditional Islamic Education in the Malay World Archipelago: Its Contributions to the Malay World* (Jakarta: Indonesia Circle, 1990), 21.

<sup>5</sup> Snouck Hourgronje, *Mekka in the Latter Part of the 19th Century* (Leiden: Brill, 1931), 215- 229.

Falimbani,<sup>6</sup> dan ramai lagi. Sekepuungan mereka ke tanah air, kelangsungan pengajian yang diterima semasa di Mekah telah dikembangkan dengan cara pengajian pondok. Untuk mengisi keperluan kurikulum pengajian tersebut maka mereka telah mengarang kitab-kitab agama sebagai teks pengajian.

Selain itu, sokongan dari pemerintah dan istana mendorong ke arah perkembangan dan kepesatan kegiatan penulisan. Hal ini dapat diperhatikan pada wujudnya pusat-pusat manuskrip di istana-istana yang diwujudkan untuk menulis surat dan titah rasmi sultan serta menyalin pelbagai karya ilmiah untuk simpanan kerajaan. Sultan-sultan Melayu mempunyai jurutulis yang bertugas menyalin dan menulis segala titah baginda setelah mendapat perkenan.<sup>7</sup> Raja Ali Haji adalah contoh seorang pencatat atau penyalin istana yang bertugas menulis titah baginda sultan, dan sekaligus adalah seorang sarjana Melayu. Beliau bukan sahaja seorang pujangga yang hebat bahkan seorang ilmuwan agung. Banyak karya yang telah dihasilkan oleh beliau seperti *Tuhfah al-Nafīs*, *Kitab Pengetahuan Bahasa*, *Silsilah Melayu dan Bugis*, *Bustān al-Kātibīn*, *Muqaddimah fī al-Intīzām*, *Thamarah al-Muhibbāt* dan sebagainya. Semua karya yang dihasilkan oleh beliau dianggap sebagai karya agung warisan zaman Melayu silam.<sup>8</sup>

Syed Muhammad Naquib al-Attas menjelaskan bahawa usaha yang bersungguh-sungguh di kalangan para ulama Melayu dalam melahirkan karya-karya ini,

... bukan bagi satu golongan kecil tertentu, malah sesungguhnya bagi keperluan meninggikan adab dan susila serta kesedaran orang ramai terhadap kemuliaan insan dan keagungan Tuhan menerusi ajaran Islam.<sup>9</sup>

Usaha murni ini akhirnya menjadi akar tunjang kepada budaya dan peradaban baru bangsa Melayu di Nusantara.

<sup>6</sup> Wan Ali Wan Mamat, "Kepengarangan Manuskrip Melayu" (makalah, Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu, Beijing Foreign Studies University, Beijing, 20-24 Mei 1996), 5.

<sup>7</sup> Wan Ali Wan Mamat, "Stail Tulisan Tangan dalam Manuskrip Melayu," *Jurnal Filologi Melayu* 5 (Jun 1996), hh. 103-118, 106.

<sup>8</sup> Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid, "Perkembangan Kaedah Tulisan Jawi: Analisa Beberapa Karya Raja Ali Haji Kelana," *Jurnal al-Tamaddun* 2 (Disember 2006 – Januari 2007), hh. 67-87, 73-74.

<sup>9</sup> Al-Attas, *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, 36.

Walau bagaimanapun, tradisi ini mula suram sekitar separuh pertama abad ke-19 dengan kemasukan tulisan dan bahan bacaan yang dibawa oleh penjajah Barat. Cabaran asing yang menyuramkan tradisi tempatan ini dipercepatkan lagi dengan penggunaan mesin-mesin cetak seperti yang berlaku di Melaka, Pulau Pinang, Betawi dan Singapura, yang dikendalikan sendiri oleh masyarakat tempatan.<sup>10</sup> Sejarah penggunaan alat percetakan di Barat bermula pada zaman Renaissance pada abad ke-14 dan berkembang ke seluruh pelosok dunia melalui perdagangan, penjajahan dan perperangan. Di sini, dapat dilihat bahawa penggunaan teknologi percetakan terkini dapat memudahkan usaha percetakan dan penerbitan sesbuah majalah atau buku, namun dalam masa yang sama memalapkan tradisi yang telah lama dipertahankan. Sejak itu, penulisan manuskrip dan kitab-kitab mula mengorak langkah baru dengan mengadaptasi kemajuan terkini sejauh tidak memudaratkan tradisi itu sendiri.

Dalam konteks Tanah Melayu, kegiatan penerbitan majalah telah bermula sejak tahun 1821 apabila buat pertama kalinya diterbitkan sebuah majalah mubaligh Kristian secara dwibahasa yang bernama *Bustān al-Ārifīn*.<sup>11</sup> Majalah ini dicetak di Melaka oleh The Anglo Chinese Press. Penyuntingnya ialah C. H. Thomson dengan dibantu oleh Munsyi Abdullah bin Abdul Kadir. Seterusnya, pada 1876, akhbar Melayu pertama diterbitkan iaitu *Jawi Peranakan*. Sesuai dengan namanya, ia memulakan suatu era penglibatan golongan peranakan India Muslim yang dominan dalam dunia kewartawanan dan percetakan Melayu.<sup>12</sup>

Dengan itu, dapat diperhatikan bahawa tradisi menerbitkan majalah di Tanah Melayu telah dimulakan oleh paderi Kristian. Pada peringkat awal, iaitu sebelum abad ke-20, tradisi ini tidak begitu mendapat perhatian golongan cerdik pandai Melayu. Malah, sehingga tahun 1906, hampir keseluruhan majalah yang diterbitkan di Negeri-negeri Selat merupakan inisiatif golongan

<sup>10</sup> Mahayudin Haji Yahaya, *Karya Klasik Melayu Islam*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000), 6.

<sup>11</sup> Majalah ini adalah sebuah majalah mubaligh Kristian. Lihat Mohd Sarim Mustajab, “Akhbar dan Majalah Agama Sebelum Perang: Sumbangan dan Peranannya dalam Perkembangan Masyarakat,” (makalah, Seminar Akhbar dan Majalah, anjuran Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 25-26 Januari 1988), 5.

<sup>12</sup> Sarim, “Akhbar dan Majalah Agama Sebelum Perang,” 8.

paderi Kristian. Umpamanya, antara tahun 1820 sehingga 1898, terdapat 5 buah majalah yang diterbitkan oleh paderi Kristian dalam bahasa Melayu dan menggunakan tulisan jawi. Majalah tersebut ialah *Pungutan Segala Remah Pungatauan* (1952),<sup>13</sup> *Chermin Mata* (1857-1859),<sup>14</sup> *Sahabat* (1895-1905),<sup>15</sup> *Pelajaran Skola Agama* (1896-1904),<sup>16</sup> dan *Warta Melayu* (1898).<sup>17</sup>

Walau bagaimanapun, golongan ulama, inteligensia dan sasterawan Melayu kemudiannya berusaha menerbitkan majalah sendiri. Dari satu sudut, ia boleh dilihat sebagai reaksi balas terhadap kegiatan mubaligh Kristian. Dari satu sudut lain pula, ia boleh juga ditafsirkan sebagai titik tolak kepada usaha para ilmuwan Melayu mengadaptasi pendekatan semasa dan terkini dalam mengembangkan lagi tradisi ilmiah dan persuratan Melayu-Islam. Jika diperhatikan dalam sejarah, bidang persuratkhabaran dan majalah Melayu merupakan antara faktor utama yang mencetuskan kesedaran serta menggerakkan perkembangan minda orang Melayu seterusnya meniupkan semangat kebangkitan dan suara islah bangsa Melayu-Islam.

Sehubungan itu, pada awal abad ke-20 muncul majalah Melayu yang diterbitkan untuk kepentingan bangsa Melayu dan agama Islam iaitu *Khizanah al-Ulum* yang mula diterbitkan pada tahun 1904 dan *al-Imām* pada 1906.<sup>18</sup> Namun, ini tidak bermaksud

<sup>13</sup> Majalah mubaligh Kristian yang diterbitkan di Singapura oleh Mission Press secara triwulan bermula Mac 1852 sehingga Disember 1852. Lihat Ahmat Adam, *Sejarah dan Bibliografi Majalah Abad Kesembilan Belas* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1992), 95.

<sup>14</sup> Majalah mubaligh Kristian yang menggunakan tulisan jawi dan diterbitkan di Bukit Zion, Singapura oleh Benjamin Peach Keasberry, tetapi keluarannya tidak menentu. Lihat Ahmat, *Sejarah dan Bibliografi Majalah Abad Kesembilan Belas*, 96.

<sup>15</sup> Majalah ini diterbitkan di Singapura oleh Methodist Mission secara bulanan bermula 15 April 1895 hingga Disember 1906. Editornya ialah R. J. Denyes. Lihat Ahmat, *Sejarah dan Bibliografi Majalah Abad Kesembilan Belas*, 110.

<sup>16</sup> Majalah mubaligh Kristian yang mengandungi khutbah dan ajaran ibadat keagamaan ini diterbitkan di Singapura secara bulanan dalam tulisan rumi. Lihat Ahmat, *Sejarah dan Bibliografi Majalah Abad Kesembilan Belas*, 110.

<sup>17</sup> Majalah mubaligh Kristian yang diterbitkan di Singapura oleh American Mission Press secara bulanan dalam tulisan jawi dan rumi. Ia diterbitkan sejak tahun 1898 dan tahun terhenti tidak diketahui. Lihat Ahmat, *Sejarah dan Bibliografi Majalah Abad Kesembilan Belas*, 112.

<sup>18</sup> Majalah yang mengandungi pengetahuan umum dan agama dan mula diterbitkan pada 23 Julai 1906 di Singapura.

kedua-dua majalah ini adalah majalah Melayu pertama kerana majalah mubaligh Kristian telah mula diterbitkan pada abad sebelumnya. Begitupun, kedua-duanya tetap dapat dipertahankan sebagai majalah Melayu pertama jika dikhususkan dalam konteks demi kepentingan Islam. seterusnya, perkembangan penerbitan berlaku dengan amat pesat sekali kerana adanya mesin cetak yang telah dibawa masuk ke Tanah Melayu. Perkembangan ini berterusan sehingga penerbitan majalah Melayu telah mencapai angka 1,082 buah majalah pada penghujung abad ke-20.

Hammedi Mohd Adnan menegaskan bahawa tidak seperti akhbar, kemunculan majalah Melayu merupakan titik perubahan yang ketara dalam sejarah persuratan Melayu kerana ia menggunakan platform Islam. Malahan ia memberikan perspektif baru terhadap Islam yang terlalu berbeza dengan kecenderungan semasa yang masih dalam kongkongan penjajahan. Walaupun *al-Imām* hanya bertahan dua setengah tahun, iaitu sehingga penerbitannya ditamatkan pada tahun 1908, namun pembaharuan agama dan masyarakat yang didukungnya diteruskan oleh majalah-majalah lain selepas itu. Majalah *al-Imām* telah bertindak sebagai perintis dengan tujuan "... mengingatkan mana yang lalai dan menjagakan mereka yang tidur dan menunjukkan mana yang sesat."<sup>19</sup> Hal ini dapat dilihat dengan kemunculan majalah *Pengasuh* yang mula diterbitkan pada tahun 1918 dan berkekalan sehingga kini oleh Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK).

Menurut Hamedi lagi, perkembangan awal penerbitan majalah-majalah Melayu di negara ini didorong oleh dua faktor, iaitu kesedaran yang tinggi terhadap agama Islam dan perjuangan yang bersifat kebangsaan Melayu. Persoalan agama merupakan teras dalam dunia permajalah Melayu, sekurang-kurangnya sebelum meletusnya Perang Dunia Kedua pada penghujung 1941.<sup>20</sup> Penekanan kepada persoalan ini dan penzahiran bahawa kesedaran agama merupakan faktor utama penerbitan dan perkembangan majalah dalam tradisi persuratan Melayu dapat dilihat dalam wacana para penulis *Pengasuh*, seperti Tok Kenali dan Za'ba, yang menjadi tema seterusnya di bawah.

---

<sup>19</sup> *Al-Imām* 1, no.1 (23 Julai 1906), 8.

<sup>20</sup> Hamedi Mohd Adnan, *Penerbitan Majalah di Malaysia: Isu-isu dan Cabaran* (Shah Alam: Karisma Publications, 2003), ix.

Kedua tokoh yang dibincangkan ini banyak menulis dalam dua tahun terbitan awal majalah *Pengasuh*, iaitu tahun 1918 dan 1919. Tulisan mereka berlegar mengenai seruan kebangkitan Islam kepada pembaca *Pengasuh* yang merangkumi perpaduan bangsa Melayu-Islam dan kebanggaan menggunakan bahasa Melayu.

### **Penerbitan *Pengasuh***

*Pengasuh* merupakan majalah yang paling panjang tempoh penerbitannya di Malaysia dan masih diterbitkan lagi. Beberapa buah majalah lain yang mula diterbitkan sebelumnya atau sezaman dengannya seperti *al-Imām*, *Seri Pustaka*, *Masa* dan *Majalah Guru* sudah tidak diterbitkan lagi.<sup>21</sup> Pada tahun 2013, *Pengasuh* telah memasuki usianya yang ke-95 tahun. Ia merupakan suatu tempoh yang relatif panjang dalam sejarah penerbitan majalah di Malaysia. Penerbitan *Pengasuh* merupakan antara aktiviti awal penubuhan Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK).

Dengan penubuhannya, MAIK berjaya mengumpul golongan istana, pembesar negeri, para ulama dan cendekiawan untuk bekerjasama dalam menyebarkan Islam, mengembangkan ilmu dan pendidikan, meniupkan semangat kesedaran di kalangan generasi bangsa, serta mengembangluaskan kegiatan penulisan dan persuratan. Selain itu, MAIK juga berperanan sebagai pemangkin yang berkesan dalam mengendalikan pengajian peringkat tinggi secara halakah di Masjid Muhammadi, Kota Bharu mewujudkan pengajian secara persekolahan di Madrasah Muhammadiah dan penerbitan bahan bacaan agama termasuklah *Pengasuh*.

Secara lebih khusus, antara peranan utama MAIK adalah menterjemahkan kitab-kitab agama daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu untuk kegunaan sekolah agama di bawah penyeliaannya.<sup>22</sup> Untuk merealisasikan hasrat tersebut, MAIK berusaha menubuhkan percetakan sendiri, yang berjaya dilaksanakan pada tahun 1917. Maka, di samping penerbitan buku agama, MAIK juga telah menerbitkan *Pengasuh*. Majalah ini

---

<sup>21</sup> Abdul Razak Mahmud, “Beberapa Catatan tentang Majalah *Pengasuh* (1918-1988),” *Pengasuh* 493 (Julai – Ogos 1988), hh. 16-19, 16.

<sup>22</sup> *Penyata Tahunan MAIK Tahun 1988* (Kota Bharu: Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 1988), 2.

merupakan lidah rasmi MAIK yang diterbitkan seminggu sekali pada setiap hari Khamis bermula dari 1 Syawal 1336H bersamaan 11 Julai 1918.<sup>23</sup>

Di sepanjang usianya yang relatif panjang itu, *Pengasuh* telah dipimpin oleh ramai tokoh ulama dan intelektual Melayu. Mereka ialah Muhammad Yusuf bin Ahmad Kenali yang mengetuai *Pengasuh* sejak tahun 1918 sehingga 1919, Muhammad bin Tok Khatib (Dato' Laksamana) (1919-1933), Ahmad bin Maher (Dato') (1933-1935), Ahmad Adnan bin Ariffin (1946-1957), Hasan bin Muhammad (1957-1961), Ismail bin Yusoff (Dato') (1964-1965), Abdul Ghani Azmi bin Idris (1967-1971),<sup>24</sup> dan Yusuf Zaky bin Yaacob (Dato') (1975-1996).<sup>25</sup> Senarai ini merupakan gandingan tokoh ulama dan intelektual Melayu yang telah menjayakan penerbitan *Pengasuh* merentangi berbagai-bagai cabaran dalam era sebelum dan selepas merdeka. Tambahan pula, mereka adalah para penulis yang mengisi ruang-ruang dalam *Pengasuh*, dengan kewibawaan nama dan ketokohan yang tidak asing lagi dalam dunia persuratan tanah air.

Dalam tempoh yang relatif panjang itu, *Pengasuh* sudah semestinya menampung pelbagai buah fikiran hasil cetusan bernas penulis dan kolumnisnya. Dari keluaran pertama lagi, *Pengasuh* telah menampakkan bahawa ia bukanlah hanya sebuah majalah agama tetapi isinya sungguh luas. Selain bersifat agama, ia merangkumi pengetahuan am, sejarah, tatanegara, ilmu politik, ilmu ekonomi, psikologi, ruangan bahasa Melayu, bahasa Arab dan ruangan soal jawab serta berita dari dalam dan luar negara.

Selain itu, asas penerbitan *Pengasuh* tidaklah tertumpu kepada tujuan komersial dan keuntungan semata-mata. Hasrat MAIK yang sebenarnya ialah untuk menjadikan *Pengasuh* sebagai lidah rasmi dalam menyebarkan pengajaran agama, nasihat dan teguran agama kepada orang ramai dalam usaha membina masyarakat Islam yang dinamik dan maju. Perkara ini termaktub dalam *Pengasuh* keluaran sulung lagi, yang antara lain menyatakan bahawa antara matlamat utama penerbitan majalah ini

<sup>23</sup> *Penyata Tahunan MAIK Tahun 1988*, 2.

<sup>24</sup> Abdul Razak Mahmud, "Pengarang Majalah *Pengasuh* 1918-993," *Pengasuh* 528 (Julai – Ogos 1993), hh. 31-43.

<sup>25</sup> Razin M. S., "Takziah: Dato Yusof Zaky dalam Kenangan," *Pengasuh* 557 (Mac – April 1999), 55.

adalah untuk membina bangsa Melayu yang terhormat dan mempunyai jati diri tinggi di tanah air sendiri.<sup>26</sup> Oleh yang demikian, MAIK berasa bangga kerana *Pengasuh* dapat dilangsungkan penerbitannya walaupun menghadapi pelbagai masalah dan kerugian dari segi kewangan.<sup>27</sup>

Walaupun *Pengasuh* telah mengalami bermacam bentuk rintangan jatuh bangun dan perubahan demi perubahan dalam sejarah penerbitannya, namun sumbangannya tidak pernah berubah dari bersifat sebagai sebuah majalah yang berteraskan agama Islam yang menampung berbagai-bagai cetusan idea dan pandangan ketua pengarang dan sidang pengarangnya yang berkaliber.

### **Perpaduan Bangsa Melayu-Islam**

Islam telah menjadi agama yang dianuti oleh majoriti orang Melayu dan norma-norma ajarannya menjadi sebahagian dari urat nadi sosial orang Melayu sejak zaman kerajaan Melayu Melaka malah lebih awal lagi. Islam juga menjadi dasar kebesaran kerajaan Melayu bukan sahaja dari segi kuasa politik bahkan dari segi peradaban yang mereka dirikan. Selain itu, Islam telah membentuk jati diri bangsa Melayu sehingga setiap sendi dan tulang kerangka budaya Melayu disulami dengan ajaran Islam. Kenyataan ini dapat dilihat manifestasinya dalam Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa “Orang Melayu ertiinya seseorang yang menganuti agama Islam,” selain lazim bercakap bahasa Melayu dan menurut adat Melayu.<sup>28</sup>

Memahami bahawa tonggak jati diri Melayu itu adalah Islam, maka para ulama sentiasa menyeru umat Islam di Malaysia agar sentiasa menjaga dan menitikberatkan nilai-nilai Islam dalam segenap aspek kehidupan khususnya dalam hal berkaitan dengan urusan politik dan kepentingan puak. Banyak teguran dan nasihat dikemukakan oleh tokoh-tokoh pengarang *Pengasuh* dalam

<sup>26</sup> Mahmud Ismail (Dato' Seri Paduka Raja), “Pembukaan *Pengasuh* Tahun yang Pertama,” *Pengasuh* 1 (11 Julai 1918 / 1 Syawal 1336H), 1-2.

<sup>27</sup> *Penyata Tahunan MAIK Tahun 1964* (Kota Bharu: Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 1964), 20. Dokumen no. 93/0 1635, Perpustakaan Islam MAIK, Kota Bharu, Kelantan.

<sup>28</sup> *Perlembagaan Persekutuan*, Perkara 160.(2). Mohd Taib Osman *et al.*, *Masyarakat Melayu, Struktur, Organisasi dan Manifestasi* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1989), 165.

membina jati diri bangsa yang berteraskan Islam agar mereka menjadi padu dan kuat hasil dari kesatuan. Tok Kenali menekankan hal ini dalam tulisan-tulisannya sekitar tahun 1918 dan 1919 ketika beliau menerajui penerbitan *Pengasuh*. Beliau sering mengajak umat Islam agar bersatu teguh dalam melakukan kebaikan yang membawa keuntungan bersama, seperti tulisan beliau yang bertajuk “Kemanusiaan”. Katanya,

Adalah kejadian manusia itu semulia-mulia kejadian di sisi Allah, dalil firmanNya, “Sesungguhnya kita mulikan segala anak Adam seelok-elok kejadian. Ialah suatu makhluk yang banyak diamati dia oleh Tuhan.” Firman Allah lagi, “Tuhan yang menjadikan segala barang yang di dalam bumi kerana kamu,” dan “dijadikan manusia itu daif,” kerana itu manusia itu berhajat setengah akan setengah sama ada pada pekerjaan ibadat atau adat istimewa pula pekerjaan berhimpun.<sup>29</sup>

Untuk menggalakkan lagi pembaca *Pengasuh* agar berhimpun dengan tujuan bersama-sama dalam memikul tanggungjawab, beliau mengingatkan mereka bahawa bersatu dan berhimpun itu adalah kerja mulia seperti yang sering digalakkan oleh para hukama,

Tatkala adalah berhimpun manusia pekerjaan yang lazim seperti perkataan hukama, manusia itu suka berjinak-jinak, maka dari kerana itu berhajatlah manusia kepada mengetahui beberapa adab. Apakah erti adab itu, bermula adab itu seperkataan yang menghimpunkan segala perangai dan pertuturan yang elok dan iaitulah satu-satu perkara dan mengangkat segala bangsa dengan dialah mendapat seorang akan segala yang dicitainya dan dapat mencapai segala maksud dan ialah mengangkatkan yang rendah ke tempat yang tinggi.<sup>30</sup>

Gesaan di atas mengambarkan bahawa sifat semulajadi manusia adalah kesopanan dan kesantunan. Antara kelebihan yang dimilik oleh manusia ialah kemampuan bertutur, dengan pertuturan yang jelas dan santun manusia mampu bersatu dan saling menerima dalam melaksanakan segala pekerjaan mereka. Seperti kata pepatah Melayu dalam sebuah pantun, Hendak

<sup>29</sup> Muhammad Yusuf Kenali, “Kemanusiaan,” *Pengasuh* 1 (11 Julai 1918 / 1 Syawal 1336H), hh. 2-3, 2.

<sup>30</sup> Muhammad Yusuf Kenali, “Kemanusiaan,” 2 dan 3.

belayar di Teluk Betong, Sambil mencuba labuhkan pukat, Bulat air kerana pembentung, Bulat manusia kerana muafakat.

Melihat kepada sikap orang Melayu pada ketika itu sering bercakaran sesama sendiri dalam hal yang remeh temeh dan disamping itu susila hidup mereka kurang berdisiplin dalam banyak perkara khususnya dalam pekerjaan. Tok Kenali menyeru orang Melayu agar kembali kepada adab-adab Islam yang mulia. Urutan dari gesaan itu, *Pengasuh* telah menyiarkan ruangan adab Melayu yang menekankan tatasusila hidup yang tinggi dari amalan orang Melayu dan ajaran Islam.

Seruan Tok Kenali kepada pembaca *Pengasuh* agar sentiasa bersatu padu sesama anak bangsa agar mereka dapat membina kembali ketamadunan. Perpecahan yang berlaku sesama mereka tidak memungkinkan untuk mereka maju apatah lagi berada di tempat yang tinggi dan dihormati. Untuk merealisasikan hasrat untuk bersatu padu sesama anak bangsa, maka usaha murni itu harus disulami dengan adab susila yang baik dalam pergaulan.

Oleh kerana manusia itu makhluk yang berakal, maka beliau menyeru kepada masyarakat yang dikurniakan akal fikiran waras agar melangkah ke arah kemajuan dengan menjadikan kemajuan bangsa asing sebagai perbandingan yang baik untuk dijadikan pengajaran dalam mencapai kehidupan yang tinggi bagi menguasai khazanah kurniaan Allah sama ada di lautan dan juga di daratan.

Maka sayugialah bagi tiap-tiap yang berakal itu bahawa mengedarkan tapaknya kepada medan ketinggian yang bersetuju dengan adab ugama dan berkenaan pula dengan adat yang terutama, tiadalah kelebihan seorang itu dengan perasaan dirinya sahaja, melainkan apabila menyaksikan yang demikian itu oleh segala mata yang melihat... seperti menyaksi kita bagi perbuatan orang yang dahulu dan sekarang ialah daripada segala perkara yang tiada terbayang di dalam alam mimpi kita betapa mereka itu boleh dapat dan kita tiada boleh dapat. Maka menunjukkan bahawa kita daripada orang yang tiada beramal dengan amalan yang mendatangkan manfaat bagi jenis bangsa dan kaum, padahal jika tilikan orang yang dahulu dan yang sekarang yang boleh menjalankan kehidupan yang tinggi dan perintahan yang

bergoncang laut dan darat tiadalah pada mereka itu satu tulang dan urat yang terlebih daripada kita.<sup>31</sup>

Seruan itu memperlihatkan bahawa pengunaan akal sebagai nikmat utama yang diberikan oleh Allah kepada manusia harus digunakan dengan sebaiknya oleh orang-orang Melayu. Mereka diseru agar memerhati, menilai dan menggunakan segala nikmat pemberian Allah di sekeliling mereka untuk mereka maju seganding dengan bangsa lain di dunia. Tok Kenali cuba memperlihatkan kemunduran orang Melayu berbanding dengan bangsa lain khususnya bangsa Inggeris dalam penguasaan teknologi adalah disebabkan mereka kurang menggunakan akal fikiran dalam kehidupan.

Untuk memiliki kemajuan yang telah dimiliki oleh bangsa lain, umat Islam harus sedar dari lenanya yang panjang dan menjauhkan diri dari sikap tamak dan mementingkan diri sendiri tanpa melihat ke belakang atau meneropong ke hadapan apa yang telah disumbangkan dan diwariskan oleh generasi terdahulu kepada generasi akan datang.

Bahawa kita daripada orang lalai dan tidur dengan hiburan yang jahil dan jaga dengan mengambil kesedapan tertentu bagi dirinya sahaja dan tidaklah kita percaya keadaan kita yang demikian itu meruntuhkan segala bekas kemuliaan datuk nenek kita dan menghilangkan segala tanda kelebihan mereka itu dan mencabut tanaman usaha mereka itu dan bahkan yang demikian tiada tersembunyi pada sisi mereka yang mempunyai tilik dan adakah dipadakan sebutan-sebutan sahaja dengan tiada menghidupkan barang yang kita suka dan menjauhkan barang yang kita benci, maka tiada hari bagi kita jika kita tiada bergerak pada hari ini.<sup>32</sup>

Untuk mencapai cita-cita bangsa, masyarakat Islam perlulah berusaha bersungguh-sungguh dan bersabar mengerjakannya. Tiada sesiapapun yang memperoleh kejayaan dengan mudah. Beliau menyelar sikap sesetengah mereka yang merasakan kejayaan itu akan datang bergolek dengan sindirannya,

---

<sup>31</sup> Muhammad Yusuf Kenali, “Kemanusiaan,” 3.

<sup>32</sup> Muhammad Yusuf Kenali, “Kemanusiaan,” 3.

... harapkan kepada ketinggian sarat ia tiada ia berusaha itu termasuklah ia ke dalam bilangan orang yang menjalankan bahera di atas darat,<sup>33</sup>

Antara saranan beliau ialah umat Islam haruslah menghormati para ulama yang mengajar ajaran Islam. Menghormati ulama bermaksud mematuhi serta mengamalkan segala ajaran yang dipandukan. Terdapat sesetengah kelompok yang cuba mempertikaikan usaha para ulama dalam membina kembali tamadun Melayu Islam di tanah air dengan alasan bahawa ulama hanya mengajar ajaran agama yang lapuk. Kelemahan bangsa Melayu tidak seharusnya dipersalahkan kepada para ulama semata-mata,

... pada halnya bagaimanalah orang-orang alim itu hendak memperbuat, apabila orang yang mendengar tiada mengamat-amati akan nasihat dan ajarannya.<sup>34</sup>

Untuk memberi gambaran yang baik terhadap jati diri bangsa Melayu, seharusnya orang Melayu memegang teguh ajaran agama dengan,

... menurut nasihat yang muafakat dengan syarak ataupun tiada melawan syarak, dan sayugia bagi kita membuat pekerjaan yang tiada menunjukkan bahawa kita ini daripada bangsa yang tiada baik.<sup>35</sup>

Perhatikan satu petikan dalam ruangan *Pengasuh* keluaran 20 Oktober 1918 yang memperkatakan dan mengupas faktor kelemahan bangsa Melayu yang disebabkan oleh kurangnya penghayatan dan ilmu pengetahuan di kalangan rakyat.

Sayugia jangan kamu terima perkataan setengah daripada kaum kita yang jahil yang mengatakan hati Melayu itu terlebih busuk daripada hati bangsa lain. Bahawa sungguhnya kejadian manusia itu ialah sama seluruh dunia ini dan terkandung di dalamnya akal dan hawa nafsu yang tiada berlebih-kurang baik jahatnya. Maka perbezaan di antara kita Melayu ini dengan orang-orang sebelah Barat seperti Inggeris, Perancis dan lain-lain bangsa yang duduk pada saf

<sup>33</sup> Muhammad Yusuf Kenali, “Kesempurnaan Manusia dan Bahagiannya”, *Pengasuh* 2 (24 Julai 1918 / 15 Syawal 1336H), hh. 5-6, 6.

<sup>34</sup> Muhammad Yusuf Kenali, “Menjernih Kekeruhan,” *Pengasuh* 3 (8 Ogos 1918/1 Zulkaedah 1336H), hh. 3-4 dan 7, 3-4.

<sup>35</sup> Muhammad Yusuf Kenali, “Menjernih Kekeruhan,” 3-4.

hadapan di dalam medan siasah, pertukangan, perniagaan dan sebagainya itu ialah terbitnya daripada ketiadaan pelajaran di antara kita. Maka penyakit kita yang kita Melayu telah menghidap beberapa lama dari zaman nenek sampai ke zaman kita ini ialah ketiadaan pelajaran.<sup>36</sup>

Tulisan itu juga menganjurkan masyarakat Melayu menguasai semua ilmu dan kepandaian termasuklah berbahasa. Tiada pandangan yang prejedis terhadap mana-mana bahasa walaupun bahasa itu adalah bahasa bangsa yang menjajah bangsa Melayu.

Maka yang terlebih afdal bagi kamu ialah belajar yakni menuntut ilmu, jika kamu masih muda dan jikalau dirimu sendiri telah tua serahkan anakmu belajar ilmu terutama menulis dan membaca bahasa kamu sendiri dan bahasa Inggeris dan bahasa Arab, kerana jika dapat ditawan pemburuhan yang tiga ini nescaya mudahlah anakmu mentadbirkan kehidupannya sendiri seperti menuntut kemuliaan dan kemegahan dunia akhirat dengan kebaktian kepada Allah, sultan, negeri dan kaumnya. Adapun faedah mengetahui bahasamu sendiri itu tentulah sedia maklum kepada kamu. Dan faedah mengetahui bahasa Inggeris itu amat banyak. Oleh sebab itu jangan kamu percaya perkataan orang jahil yang mengatakan menuntut bahasa Inggeris itu mengeramkan iman kamu bahkan sebenarnya belajar bahasa asing itu disuruh oleh syarak kerana hadith Nabi kita menyuruhnya.<sup>37</sup>

Pada zaman Tok Kenali, terdapat segelintir orang Melayu yang tidak bangga dengan apa yang dimiliki oleh bangsa Melayu. Mereka berfikiran bahawa perkataan Melayu yang menjadi nama bangsa bertuah ini membawa maksud pasif dan sial. Mereka mendakwa bahawa nama “Melayu” berasal dari kata imbuhan “me” yang ditambah kepada perkataan “layu” menjadi nama Melayu. Dengan kata lain, nama Melayu bermaksud sudah tidak

---

<sup>36</sup> Muhammad Yusuf Kenali, “Menuntut Kemulian dan Kemenangan” *Pengasuh* 8, (20 Oktober 1918), hh. 1-2, 1.

<sup>37</sup> Muhammad Yusuf Kenali, “Kemajuan Bangsa Melayu,” *Pengasuh* 12, (19 Disember 1918), hh. 1-2, 2.

segar dan tidak bermaya.<sup>38</sup> Tok Kenali tidak bersetuju dengan pandangan ini yang mengaitkan kelemahan orang Melayu disebabkan dengan kesialan yang terdapat pada makna bangsanya. Apa yang perlu bukanlah mengubah nama bangsa tetapi yang lebih penting mengubah sikap dan menambah ilmu serta kemahiran setiap individu masyarakat. Beliau menegaskan mengenai hal ini dengan katanya,

... akan tetapi pada fikiran kita tiada berhajat daripada menukar nama Melayu itu daripada bangsa kita, kerana kita tengok orang yang mendiami di dalam bulatan dunia ini tiadalah suka cita mereka itu pada pemikiran jalan mengubah nama bangsanya kepada nama yang lain. Hanya yang kita lihat mereka itu mengalihkan tapak keadaannya kepada menambahkan pelajaran dan kepandaian... walhal ada juga anak Eropah yang menyaksikan bahawa anak Melayu ini otaknya sama dengan Jepun.<sup>39</sup>

Dalam usaha mengukuhkan kekuatan bangsa Melayu di tanah air, Tok Kenali menyarankan agar hubungan antara akal dan emas,<sup>40</sup> harus disatukan dengan seeratnya. Dalam menggambarkan betapa pentingnya ilmu yang berserta dengan harta dalam membina tamadun beliau mengungkapkan sebuah syair yang berbunyi,

وَحْكَمَةُ لِقَمَانِ وَزَهْدِ ابْنِ أَدْهَمٍ

فصاحة حسان وخط ابن مقلة

يَنَادِي عَلَيْهِ الْأَتَابَعُ بِدَرْهَمٍ<sup>41</sup>

إذا أجمعـت في المـراء والـمرء مـفلس

Terjemahan:

Kefasihan Hassan,<sup>42</sup> kecantikan tulisan Ibn Muqlah,<sup>43</sup> dan kebijaksanaan Luqman serta kezuhudan Ibn Adham,<sup>44</sup>

<sup>38</sup> Abdullah al-Qari Soleh, "Tok Kenali dalam Bidang Pentadbiran dan Siasah," *Pengasuh* 555 (November – Disember 1998), hh. 46-47, 46.

<sup>39</sup> Abdullah al-Qari, "Tok Kenali dalam Bidang Pentadbiran dan Siasah," 47.

<sup>40</sup> Apa yang dimaksudkan dengan akal ialah ilmu pengetahuan dan emas pula ialah harta.

<sup>41</sup> Muhammad Yusuf Kenali, "Soal dan Jawab," *Pengasuh* 9 (5 November 1918 / 1 Safar 1337H), 1.

<sup>42</sup> Hassan Ibn Thabit ialah seorang ahli syair Arab yang mashyur. Lahir di Madinah dan meninggal dunia pada 647M.

<sup>43</sup> Ibn Muqlah ialah seorang penulis kaligrafi Arab yang terkenal. Lahir di Bagdad pada tahun 885M dan meninggal dunia pada tahun 940M.

Jika semua itu terhimpun pada seseorang sedangkan dia pula adalah seorang yang miskin, pasti orang lain akan mengejeknya dengan “hai orang miskin”.

Segala kebijaksanaan dan ilmu yang dimiliki oleh seorang ilmuan itu akan lebih berfungsi jika ianya digandingkan dengan harta. Kerana gabungan keduanya akan menjadikan manusia lain dapat melihat hasil ilmu itu diterjemahkan dalam kehidupan. Seruan itu mengajak golongan hartawan berganding bahu dengan golongan ilmuwan Islam membina kembali tamadun Melayu-Islam. Adalah sukar untuk berhimpun pada diri seorang itu dua keutamaan iaitu harta dan ilmu. Ini kerana setiap satu memerlukan usaha yang tersendiri dan memerlukan tumpun yang khusus dalam menghasilkan.Tok Kenali menegaskan bahawa gabungan ini akan menjadikan orang Melayu itu kuat.

Nampaknya pada fikiran saya orang yang hendak jadi hebat berhajat kepada ilmu dan harta maka dua sifat ini hendak berhimpun pada satu orang daripada masa kita ini sangatlah payahnya. Setengahnya ada ilmu tiada harta dan setengahnya ada harta tiada ilmu. Dan antara ahli harta dengan ahli ilmu itu sangatlah berkhilaf tujuannya.<sup>45</sup>

Untuk menjayakan proses pendidikan bangsa Melayu, segenap lapisan masyarakat perlu berkongsi hasrat dan rasa kebertanggungjawaban dengan menyumbangkan ilmu, harta, tenaga dan apa sahaja yang mereka miliki bagi tujuan murni ini.

Perbincangan di atas menampakkan bahawa Tok Kenali menggariskan 10 perkara yang perlu dilakukan oleh bangsa Melayu agar mereka mampu bersaing dan berdiri sama tinggi dengan bangsa lain. 10 perkara tersebut ialah: (1) menjaga kesatuan bangsa Melayu, (2) berusaha lebih lagi untuk membina kesatuan, (3) mengambil pelajaran dan teladan dari kemajuan bangsa lain, (4) mengelak dari sikap tamak dan pentingkan diri sendiri, (5) berusaha bersungguh-sungguh, (6) menghormati para ulama, (7) mewujudkan kerjasama yang erat antara para ilmuwan dan para hartawan, (8) meningkatkan penguasaan ilmu pengetahuan, (9) menguasai bahasa asing sebagai alat kemajuan,

---

<sup>44</sup> Beliau seorang ahli sufi yang amat zuhud, dilahirkan pada tahun 718M dan meninggal dunia pada tahun 782M.

<sup>45</sup> Muhammad Yusuf Kenali, “Seruan,” *Pengasuh* 5 (7 September 1918 / 1 Zulhijah 1336H), hh. 3-4, 3.

dan (10) membuang rasa hina sebagai seorang yang berbangsa Melayu.

Dalam masa yang sama, Za'ba yang datang dari golongan intelektual Melayu turut mengetengahkan juga berbagai-bagai idea dan gagasan seiringan dengan pandangan Tok Kenali untuk memajukan bangsa Melayu. Secara umumnya, pandangan beliau adalah selari dengan apa yang dinyatakan oleh Tok Kenali, tetapi mungkin terdapat beberapa perincian yang agak berbeza, seperti dalam mengulas soal pendidikan bangsa Melayu. Sebagai contohnya, beliau menyarankan agar pengembangan pendidikan dalam masyarakat Melayu menggunakan pendekatan serampang dua mata, iaitu melahirkan karya asli dari ilmuwan Melayu dan di samping itu menggalakkan penterjemahan ilmu-ilmu dan penemuan dari bahasa asing ke dalam bahasa Melayu. Dalam usaha-usaha awal ke arah memperbanyakkan sumber ilmu, selain daripada mewujudkan pusat-pusat pengajian, beliau menyarankan juga dilakukan kerja-kerja penterjemahan.

Maka sungguhnya terjemah-menterjemah inilah langkah pertama yang telah diambil oleh pemerintah-pemerintah dan pendeta-pendeta yang maju bangsa-bangsanya sekarang ini tatkala bangsa-bangsa ini lagi jauh daripada bau-bauan tamadun dahulu. Bahkan, hingga hari ini pun pendeta-pendeta mereka itu tiada *khālī* [diam] daripada berbuat demikian lagi, melainkan berkekalanlah mereka itu berlumba-lumba dan bermegah-megah pada menterjemah ke bahasa kaum masing-masing akan tiap-tiap barang yang molek yang didapatinya pada bahasa-bahasa lain. Maka tiadalah syak bahawa perbuatan ini satu daripada sebab-sebab yang telah menambah-nambahkan mara pelajaran umat mereka itu dari semenjak ada mereka itu dalam keadaan seperti kita sekarang hingga sampai ke masa ini, berpanjangan ke masa yang akan datang.<sup>46</sup>

Za'ba menyokong pandangan Tok Kenali yang menyatakan bahawa orang Melayu perlu mengelak dari sifat tamak dan mementingkan diri sendiri. Beliau merasakan bahawa kelemahan orang Melayu perlu diperbaiki oleh mereka sendiri untuk menghadapi cabaran masa depan yang kian pesat dilanda arus perubahan dan kemodenan. Hanya mereka sahaja yang dapat

---

<sup>46</sup> Za'ba, "Pelajaran Bangsaku", *Pengasuh* 18, (17 Mac 1919), hh. 1-4, 3.

menentukan nasib bangsa mereka. Menyedari keadaan ini, Za'ba menyeru orang Melayu supaya bekerja dan berikhtiar sendiri agar dapat ditunjukkan kepada dunia bahawa orang Melayu boleh dan berupaya mendapatkan nikmat yang lebih tinggi dan mulia. Sehubungan itu, beliau mengingatkan orang Melayu supaya tidak terus membuang masa tanpa hala tujuan.

Jika berkaitan dengan soal agama, Tok Kenali menyeru orang Melayu agar menghormati para ulama yang mengajar akidah dan panduan hidup beragama, Za'ba pula berpandangan bahawa masalah terbesar yang dihadapi oleh orang Melayu ialah mereka masih percaya kepada perkara-perkara berunsur animisme dan terpengaruh dengan agama Hindu yang penuh dengan unsur khurafat dan bidaah sehingga ia menjadi sebatи dalam iktikad masyarakat Melayu Islam. Muhammad Muhammad Taib,<sup>47</sup> yang sependapat dengan Za'ba, menyatakan bahawa kepincangan penganut-penganut Islam berpunca daripada sikap mereka yang hanya komited pada masa tertentu dan kadangkala ekstrem terhadap Islam, namun mereka tidak menjadi penghayat dan penterjemah pelbagai bentuk pemikiran, falsafah dan ajaran Islam yang tersurat apatah lagi yang tersirat. Di dalam artikelnya “Kewajipan Berpengetahuan Agama” beliau sekali lagi menegaskan kepentingan iktikad yang betul.

Tiada yang lebih-lebih yakin melainkan mengerjakan barang yang salah dan jahat dan hina dan meninggalkan barang yang betul dan baik dan mulia. Maka disoal pula apakah yang lebih segera yang akan menarik manusia bercebur daripada betul kepada salah? Maka tiada pula jawab yang lebih hampir baginya daripada jahil akan kehinaan, jahat dan kejahatan dan jahil akan kemuliaan, baik dan kebajikan dan jahil akan kegemaran Tuhan dan kemurkaannya dan pendeknya (kesimpulannya, semua itu disebabkan oleh) jahil pada pengetahuan ugama.<sup>48</sup>

Menurut Za'ba lagi, keadaan ini berlaku disebabkan orang Melayu tidak memahami konsep keimanan dan ajaran Islam yang sebenarnya. Kegagalan orang Melayu dalam membela nasib diri

<sup>47</sup> Muhammad Muhammad Taib, *Melayu Baru* (Kuala Lumpur: ITC Publisher, 1993), 127.

<sup>48</sup> Za'ba, “Kewajipan Berpengetahuan Agama,” *Pengasuh* 19 (1 April 1919 / 1 Rejab 1337H), hh. 3-6, 3-4.

sendiri bukanlah menjadi isu utama dalam permasalahan ini, sebaliknya menurut Za'ba kegagalan ini adalah berpunca dari sikap masyarakat itu sendiri yang tidak mahu mengubah nasib mereka dari jahat kepada baik atau sebaliknya dari baik kepada jahat. Dengan iktikad yang betul dengan memiliki ilmu pengetahuan, memandu akal ke arah kebaikan, berjihad dan berijtihad, beliau yakin orang Islam khususnya orang Melayu akan mampu untuk memajukan diri dalam pelbagai bidang.

Perbincangan di atas, memperlihatkan bahawa kedua tokoh telah menyentuh 10 perkara yang dilihat mampu mengembalikan kegemilangan orang Melayu yang rata-ratanya mundur pada ketika itu. Mereka perlu melihat kembali segala teguran yang disebutkan untuk memperkuatkan kedudukan mereka di tanah air. Kekuatan dan kelemahan mereka sebenarnya adalah berpunca dari mereka sendiri.

### **Bahasa Melayu**

Berbicara mengenai bahasa Melayu, Tok Kenali dan Za'ba cuba menyeru para pembaca Melayu mempelajari dan menguasai bahasa asing sebagai alat untuk mengusai ilmu pengetahuan dan seterusnya membawa mereka kepada kemajuan. Namun dalam keghairahan untuk maju dan menguasai bahasa asing, telah timbul satu trend songsang di mana orang Melayu mula merasa malu dengan budaya bangsa sendiri. Sikap itu menyebabkan mereka berdua telah mengkritik sesetengah orang Melayu yang malu dengan budaya bangsa sendiri termasuklah bahasa ibunda mereka. Za'ba berpandangan bahawa bahasa Melayu adalah jiwa bangsa orang Melayu. Dengan kedatangan Islam dan penggunaan banyak istilah Arab dalam bahasa Melayu menjadikan bahasa Melayu mampu menampung kesemua maksud ajaran Islam. Selain dari itu, penggunaan aksara Arab dalam tulisan Jawi turut membantu menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan.

Za'ba banyak membicarakan mengenai kepentingan memelihara dan memupuk perasaan bangga terhadap bahasa ibunda. Beliau menyarankan agar bangsa Melayu terlebih dahulu mempelajari bahasa mereka sebelum mempelajari bahasa-bahasa lain untuk kepentingan tertentu. Beliau mengkritik sikap sesetengah orang Melayu yang mendahuluikan mempelajari bahasa asing sedangkan mereka mengabaikan bahasa sendiri. Petikan

sajak yang pernah dinukilkan oleh Za’ba di bawah menggambarkan betapa tinggi harapan beliau agar orang Melayu menjaga dan berbangga dengan bahasa sendiri untuk mengekalkan jati diri bangsa.

Suatu pesan biar ku beri  
kepada bangsa wahai bestari  
Hendaklah tuntut bahasa sendiri  
jangan yang lain sahaja kejari  
Erti yang lain ialah bahasa  
Arab, Inggeris, Cina, Perancis  
Jajahlah serta sendiri desa  
baharu yang lain boleh berjasa  
Sayugianya ianya terlebih perlu  
dari yang lain diambil dahulu  
Sekurang-kurang puting dan hulu  
pegangkan sampai mahir dan calu  
Setelah pandai baca dan tulis  
karang mengarang lapah dan liliis  
Barahu palingkan ke lain majlis  
mengaji Arab atau Inggeris

Sajak ini, yang bertajuk “Belajar Bahasa Sendiri,”<sup>49</sup> di samping beberapa sajak lain, ditulis oleh beliau dalam *Pengasuh* untuk mengajak bangsa Melayu berbangga dengan warisan ibunda dan bangkit membina maruah bangsa. Penulisan sajak ini oleh Za’ba adalah kerana terdapatnya sikap melecehkan nilai bangsa sendiri oleh segelintir anak Melayu yang kononnya sudah berpendidikan dan pandai. Sikap ini menyebabkan telah timbul rasa hina diri terhadap warisan sendiri dan sikap melecehkan bahasa ibunda kerana terlalu mengagungkan bahasa Inggeris dan bangsa Eropah yang dianggap sebagai bahasa dan bangsa yang maju.

Adapun yang berkenaan dengan percakapan maka keraplah kita mendengar anak-anak Melayu yang tahu bahasa Inggeris atau Arab atau sebagainya, bila mereka bercakap dengan sama sebangsanya, selalulah digunakan bahasa yang lain daripada bahasanya sendiri, seolah-olahnya bahasa Melayu itu suatu bahasa yang pelik. Dan bahasa asing itulah yang

<sup>49</sup> Za’ba, “Belajar Bahasa Sendiri,” *Pengasuh* 94 (12 April 1922 / 15 Syaaban 1340H), hh. 3-4, 3 dan 4.

molek daripada bahasanya. Maka hendaklah anak-anak Melayu kita cuba berfikir, bahawa percakapan dengan bahasa asing itu, bila ia bercakap sama sebangsanya (Melayu), apakah pemandangannya di sisi orang asing? Adakah dikatakan ia bukan anak Melayu? Adakah dikatakan ia pandai, bijak dan petah di dalam bahasa asing? ... Maka pada fikiran kita tentulah si asing itu tiada berkata lain daripada, "Melayu ini mengada-ngada."<sup>50</sup> Dan tentulah si asing itu benci belajar percakapan Melayu.

Kerisauan Za'ba dan Tok Kenali mengenai kurangnya penggunaan bahasa Melayu di kalangan orang Melayu amat ketara sekali kerana pada ketika itu sudah wujud kecenderungan songsang tersebut khususnya di kalangan golongan terpelajar Melayu. Ini semua diabadikan dalam madah-madah syair dan sajak yang tersiar dalam *Pengasuh*, seperti yang dapat dilihat di atas.

## Penutup

Dari apa yang telah dinyatakan di atas, nyatalah bahawa kegusaran yang melanda bangsa Melayu hari ini adalah hilangnya nilai warisan yang telah berakar umbi sejak zaman sebelum merdeka lagi. Oleh kerana jalan pulang hanya satu sahaja, maka setiap kita bertanggungjawab membawa dan mengembalikan generasi kini kepada asal usul kita yang sebenar iaitu Islam dan bahasa Melayu. Kelemahan yang menimpa orang Melayu bukanlah kerana sial dek terkena sumpahan nenek moyang, sebaliknya sikap yang hanya ingin berpeluk tubuh tanpa usaha dan mudah terpengaruh dengan budaya bangsa asing menjadikan orang Melayu hina di tanah air sendiri.

Walaupun dua tokoh ini iaitu Tok Kenali dan Za'ba berbeza latar belakang pendidikan dan juga berbeza negeri tempat tinggal mereka, namun semangat dan rasa cinta kepada agama dan nilai budaya bangsa menjadikan mereka berdua berkongsi rasa dan kerisauan yang sama. Mereka menggunakan media majalah khususnya *Pengasuh* untuk menegur dan memesan ummah yang rata-rata terdiri dari orang Melayu agar sedar dan memperbetulkan kesilapan mereka.

---

<sup>50</sup> Za'ba, "Belajar Bahasa Sendiri," 4.

Terdapat banyak seruan dan teguran oleh para pengarang *Pengasuh* untuk membimbing anak bangsa ke arah kecemerlangan tamadun ummah, yang tidak mungkin dinyatakan dalam ruangan yang terhad ini. Setidaknya dalam ruangan yang ringkas ini, sebelas perkara telah dinyatakan oleh dua tokoh iaitu Tok Kenali dan Za'ba untuk mengajak para pembaca *Pengasuh* yang kebanyakannya mereka terdiri dari orang Melayu sama ada di Malaysia, Singapura dan Brunei agar sama-sama membetulkan sikap dan pandangan untuk bangkit maju setanding dengan bangsa asing serta mengembalikan rasa bangga kita dengan apa yang dimiliki.

### Bibliografi

- Abdul Razak Mahmud, “Beberapa Catatan tentang Majalah *Pengasuh* (1918-1988),” *Pengasuh* 493, Julai – Ogos 1988.
- Abdul Razak Mahmud, “Pengarang Majalah *Pengasuh* 1918-1993,” *Pengasuh* 528, Julai – Ogos 1993.
- Abdullah al-Qari Soleh, “Tok Kenali dalam Bidang Pentadbiran dan Siasah,” *Pengasuh* 555, November – Disember 1998.
- Ahmat Adam, *Sejarah dan Bibliografi Majalah Abad Kesembilan Belas*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1992.
- Al-Attas, *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, 36.
- Al-Imām* 1, no.1, 23 Julai 1906.
- Dhofier, Zamakhshyari, *Traditional Islamic Education in the Malay World Archipelago: Its Contributions to the Malay World*. Jakarta: Indonesia Circle, 1990.
- Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid, “Perkembangan Kaedah Tulisan Jawi: Analisa Beberapa Karya Raja Ali Haji Kelana,” *Jurnal al-Tamaddun* 2. Disember 2006 – Januari 2007.
- Hamedи Mohd Adnan, *Penerbitan Majalah di Malaysia: Isu-isu dan Cabaran*. Shah Alam: Karisma Publications, 2003.
- Hashim Musa, *Sejarah Perkembangan Tulisan Jawi*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2006.
- Hourgronje, Snouck, *Mekka in the Latter Part of the 19th Century*. Leiden: Brill, 1931.
- Mahayudin Haji Yahaya, *Karya Klasik Melayu Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000.

- Mahmud Ismail (Dato' Seri Paduka Raja), “*Pembukaan Pengasuh Tahun yang Pertama*,” Pengasuh 1, 11 Julai 1918 / 1 Syawal 1336H.
- Mohd Sarim Mustajab, “*Akhbar dan Majalah Agama Sebelum Perang: Sumbangan dan Peranannya dalam Perkembangan Masyarakat*,” dalam makalah, Seminar Akhbar dan Majalah, anjuran Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 25-26 Januari 1988.
- Mohd Taib Osman *et al.*, *Masyarakat Melayu, Struktur, Organisasi dan Manifestasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1989.
- Muhammad Muhammad Taib, *Melayu Baru*. Kuala Lumpur: ITC Publisher, 1993.
- Muhammad Yusuf Kenali, “*Kemajuan Bangsa Melayu*,” Pengasuh 12, 19 Disember 1918.
- Muhammad Yusuf Kenali, “Kemanusiaan,” Pengasuh 1, 11 Julai 1918 / 1 Syawal 1336H.
- Muhammad Yusuf Kenali, “*Kesempurnaan Manusia dan Bahagiannya*”, Pengasuh 2, 24 Julai 1918 / 15 Syawal 1336H.
- Muhammad Yusuf Kenali, “*Menjernih Kekeruhan*,” Pengasuh 3, 8 Ogos 1918/1 Zulkaedah 1336H.
- Muhammad Yusuf Kenali, “*Menuntut Kemulian dan Kemenangan*” Pengasuh 8, 20 Oktober 1918.
- Muhammad Yusuf Kenali, “*Seruan*,” Pengasuh 5, 7 September 1918 / 1 Zulhijah 1336H.
- Muhammad Yusuf Kenali, “*Soal dan Jawab*,” Pengasuh 9, 5 November 1918 / 1 Safar 1337H.
- Penyata Tahunan MAIK Tahun 1964*. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 1964. Dokumen no. 93/0 1635, Perpustakaan Islam MAIK, Kota Bharu, Kelantan.
- Penyata Tahunan MAIK Tahun 1988*. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 1988.
- Perlembagaan Persekutuan*, Perkara 160.(2).
- Razin M. S., “*Takziah: Dato Yusof Zaky dalam Kenangan*,” Pengasuh 557, Mac – April 1999.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1972.

- Wan Ali Wan Mamat, “*Kepengarangan Manuskrip Melayu*” . Makalah, Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu, Beijing Foreign Studies University. Beijing, 20-24 Mei 1996.
- Wan Ali Wan Mamat, “*Stail Tulisan Tangan dalam Manuskrip Melayu*,” Jurnal Filologi Melayu 5, Jun 1996, hh. 103-118.
- Za’ba, “*Belajar Bahasa Sendiri*,” Pengasuh 94, 12 April 1922 / 15 Syaaban 1340H.
- Za’ba, “*Kewajipan Berpengetahuan Agama*,” Pengasuh 19, 1 April 1919 / 1 Rejab 1337H.
- Za’ba, “*Pelajaran Bangsaku*”, Pengasuh 18, 17 Mac 1919.

